

23/08/1998

Tindakan bacul: PM (HL)

Mohd Shah Abdullah; Veena Rusli

KOTA BHARU: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam berkata negara yang menyerang orang ramai dengan mengebom negara mereka kerana ingin membalas dendam terhadap kematian rakyatnya adalah bacul dan pengecut.

"Kalau hendak menyerang, seranglah mereka (yang bertanggungjawab menyebabkan kematian rakyatnya).

"Tetapi orang yang menyerang orang ramai untuk balasan adalah bacul dan pengecut," katanya ketika berucap dalam majlis Wacana Cinta Negara, sempena program Pemimpin Bersama Rakyat, di Kampung Chengal, Kadok, dekat sini semalam.

Walaupun tidak menamakan negara berkenaan, Perdana Menteri jelas merujuk kepada tindakan Amerika Syarikat yang mengebom tempat yang didakwa sebagai markas latihan penganas di Afghanistan dan Sudan dua hari lalu.

Sambil mengutuk perbuatan pengeboman itu sebagai zalim, Dr Mahathir berkata, pihak yang melancarkan serangan itu sanggup melancarkan roket terhadap negara yang tidak pernah diisytiharkan terlebih dahulu untuk berperang.

"Benar ini sebagai balasan tindakan yang diambil kerana mengebom pejabat kedutaan tetapi tindakan itu bukan diambil oleh Kerajaan Sudan, Afghanistan atau Arab Saudi, ia dilakukan oleh orang yang tidak bertanggungjawab kepada kerajaan," katanya.

Program itu adalah sempena lawatan kerja sehari Perdana Menteri dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali ke Kelantan. Hadir sama Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Annuar Musa; Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Mustapa Mohamad dan Menteri Pertanian, Datuk Amar Dr Sulaiman Daud.

Turut serta ialah bekas Timbalan Perdana Menteri, Tun Ghafar Baba dan Ahli Parlimen Gua Musang, Tengku Razaleigh Hamzah serta pemimpin Umno Kelantan.

Kelmarin Amerika Syarikat yang direstui Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) melancarkan serangan bom terhadap markas latihan pengikut jutawan Arab Saudi, Osama Laden, di Afganistan, menyebabkan 26 orang terkorban, manakala 40 yang lain tercedera.

Serangan yang sama turut dilakukan terhadap Khartoum, Sudan menyebabkan 10 orang tercedera termasuk empat parah, membabitkan kawasan kilang farmasi Shifaa, di wilayah timur laut negara berkenaan.

Dr Mahathir yang kesal dengan peristiwa itu berkata, pihak yang melancarkan serangan berkenaan menyebabkan orang yang tidak berdosa dan sama sekali tidak terbabit dalam memusnahkan pejabat kedutaan Amerika Syarikat di Kenya dan Tanzania, baru-baru ini, turut terbunuh dan cedera.

"Inilah manusia yang bercakap mengenai hak asasi manusia. Inilah juga orang yang melancarkan serangan terhadap ekonomi negara di Asia Tenggara dan Asia Timur.

"Mereka adalah orang yang sama dari negara yang sama tetapi begitu pintar dan menguasai media serta akhbar antarabangsa sehingga boleh ditafsir sebagai satu kebaikan kononnya untuk menghapuskan keganasan," katanya.

Dr Mahathir berkata, Malaysia tidak mempunyai sebarang cadangan untuk membuat bantahan rasmi kepada Washington menerusi pejabat kedutaannya di Kuala Lumpur kerana yakin langkah itu tidak mempunyai sebarang kesan.

Menurutnya, Malaysia bukan sebuah kuasa besar dan tidak mempunyai sebarang kekuatan atau pengaruh untuk bertindak.

Perdana Menteri berkata, kerajaan memang mengutuk perbuatan pengeboman

itu kerana ia tidak mustahil boleh terkena kepada negara ini dan ia bukan cara terbaik untuk menyelesaikan masalah.

Ditanya sama ada kerajaan akan mendesak Majlis Keselamatan PBB mengambil tindakan berhubung isu pengeboman itu, beliau yakin badan dunia itu juga tidak akan berbuat sesuatu untuk menangani perkara berkenaan.

(END)